

IDEALCARE® <i>.....the quality you can trust</i>	IDEAL HEALTH CARE SDN BHD		Page 1 of 3
	FOLEY CATHETER (IHSB-TF-104)		
Nama Dokumen	Arahan Penggunaan– Latex Foley Catheter	No. Versi	0
No. Dokumen	IHSB-IFU-104	Tarikh	
No. Ref	IFU/002/00/21		12 Dis 2021

ARAHAN PENGGUNAAN

PENERANGAN

Latex Foley Catheter ialah tiub fleksibel yang disalurkan melalui tiub inflasi, tiub pengairan (jika ada), belon dan injap. Ia mudah digunakan, prestasi yang boleh dipercayai, dan bebas iritasi/keradangan..

Latex Foyel Catheter mempunyai ciri-ciri berikut:

- Diperbuat daripada susu getah asli
- Biokeserasian yang baik
- Permukaan bersalut silikon mengurangkan tindak balas alahan
- Hujung tirus yang licin memudahkan penggunaan
- Visual Berkod warna untuk kepastian saiz
- alternatif jenis lain juga disediakan
- Steril oleh EO
- Untuk kegunaan sekali sahaja

PENGGUNAAN / PETUNJUK YANG DIMAKSUDKAN

Kateter Latex Foley disalurkan melalui saluran uretra semasa kateterisasi dan ke dalam pundi kencing untuk mengalirkan air kencing, atau untuk memasukkan cecair ke dalam pundi kencing. Ia digunakan dalam jabatan/unit urologi, perubatan dalaman, pembedahan, obstetrik, dan ginekologi untuk pengaliran air kencing dan ubat. Ia juga digunakan untuk pesakit yang mengalami kesukaran bergerak atau lumpuh.

KONTRAINDIKASI

Untuk kateterisasi transurethral

- Akut Uretritis
- Akut Prostatitis
- AkutEpididimitis

AMARAN/LANGKAH BERJAGA-JAGA

- Jangan gunakan jika bungkusan telah dibuka atau rosak.
- Kebocoran atau pengembungan belon hendaklah diuji sebelum digunakan.
- Produk ini bertujuan untuk digunakan oleh pakar perubatan yang terlatih dan teknik aseptik mesti diamalkan.
- Jangan kembungkan belon secara berlebihan. Rujuk kepada pek unit luar atau tiub kateter untuk kapasiti belon.

IDEALCARE®the quality you can trust	IDEAL HEALTH CARE SDN BHD		Page 2 of 3
FOLEY CATHETER (IHSB-TF-104)			
Nama Dokumen	Arahan Penggunaan– Latex Foley Catheter	No. Versi	0
No. Dokumen	IHSB-IFU-104	Tarikh	
No. Ref	IFU/002/00/21		12 Dis 2021

- Kembungkan belon kateter dengan air suling yang di steril.
- Jangan gunakan krim atau pelincir yang mempunyai asas petroleum. Gunakan minyak silikon atau pelincir air mudah larut.
- Jangan kepit tiub kateter. Ia boleh merosakkan kateter dan mencegah deflasi.
- Jangan gunakan jarum untuk mengembungkan belon. Gunakan picagari Luer.
- Untuk kegunaan pesakit tunggal sahaja.
- Ini adalah produk pakai buang untuk sekali penggunaan, sebarang pensterilan semula atau penggunaan semula produk boleh mendatangkan bahaya kepada pesakit/pengguna.
- Langkah berjaga-jaga hendaklah diambil apabila membuang peranti dan pelupusan peranti ini hendaklah dibuat mengikut peraturan negara yang digunakan untuk sisa biologi merbahaya.

ARAHAN PENGGUNAAN

- Melincirkan hujung dan tiub kateter dengan baik. Jangan gunakan krim dan pelincir yang mempunyai asas petroleum.
- Berhati-hati ketika masukkan hujung kateter ke dalam pundi kencing (biasanya ditunjukkan daripada saliran air kencing), dan lanjutkan 3cm lagi untuk memastikan belon juga berada di dalamnya.
- Gunakan set picagari luer untuk meniup belon. Isipadu yang disyorkan ditanda pada setiap tiub kateter.
- Untuk deflasi, potong tiub inflasi di atas injap, atau gunakan picagari tanpa jarum dan menolak ke dalam injap kateter untuk memudahkan pengaliran.
- Kateter tidak boleh disimpan/digunakan dalam badan manusia lebih 14 hari.

AMARAN

- Simpan di tempat yang sejuk dan kering.
- Untuk kegunaan pesakit tunggal sahaja.
- Produk Steril jika bungkusan tidak dibuka atau tidak rosak.
- Saiz dan kapasiti belon ditanda pada pek unit luar dan tiub kateter
- Jangan gunakan selepas tarikh luput.
- Tidak boleh digunakan oleh kakitangan yang tidak mahir atau tidak terlatih.
- Jangka hayat: 5 tahun selepas tarikh pembuatan.
- Buang selepas digunakan.

KAEDAH PENYIMPANAN

- Simpan di tempat yang sejuk dan kering.
- Elakkan tempat beku dan haba yang berlebihan.
- pengeluaran stok pertama masuk, pertama keluar(FIFO)

IDEALCARE® <i>.....the quality you can trust</i>	IDEAL HEALTH CARE SDN BHD		Page 3 of 3
	FOLEY CATHETER (IHSB-TF-104)		
Nama Dokumen	Arahan Penggunaan– Latex Foley Catheter	No. Versi	0
No. Dokumen	IHSB-IFU-104	Tarikh	12 Dis 2021
No. Ref	IFU/002/00/21		

Maksud setiap simbol

Disteril oleh	Jangan guka jika bungkusan rosak
Jangan guna semula	Jauhkan daripada sinaran matahari
Jagan disteril semula	Pastikan Sentiasa kering
No catalog	Rujuk arahan penggunaan
Pembuat/pengilang	Guna sebelum
Wakil sah/eksklusif di dalam kesatuan eropah	Tarikh pembuatan
Preskripsi sahaja	No kumpulan

*Sila lihat dokumen asal (Ref no. IFU/002/01/21)